

# PM: Usah debat

UM 26 MAY 2002

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**  
dan **NIZAM YATIM**

**KUALA LUMPUR** 25 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, umat Islam tidak sepatutnya menghabiskan masa dengan berdebat tentang siapa yang lebih Islam kerana ia hanya merugikan mereka.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan mereka harus mengorak langkah untuk mengembalikan kecemerlangan agama suci itu dan memajukan diri agar setanding masyarakat lain di dunia.

“Kita tidak sepatutnya menghabiskan masa dengan berdebat tentang siapa di antara kita yang lebih Islam, atau menuduh satu pihak itu kafir atau tidak Islam kerana ini hanya akan memecahbelahkan kita dan melemahkan umat Islam di negara ini.

“Jika kita terus memilih untuk hidup berpuak-puak, maka kita samalah seperti kaum Arab

Jahiliyah sebelum kedatangan Islam dahulu,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kata-kata aluan yang dimuatkan dalam buku cenderamata majlis sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1423 Hijrah di sini hari ini.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Perdana Menteri menegaskan, umat Islam sepatutnya berasa malu dan tercabar dengan keadaan mereka sekarang yang majoritinya miskin dan tidak maju.

“Marilah kita mengorak langkah untuk mengembalikan kecemerlangan Islam dan berusaha memajukan diri agar setanding atau lebih baik daripada masyarakat lain di dunia,” katanya.

Perdana Menteri juga mahu mereka menghayati ajaran Islam yang sebenar bagi mengangkat martabat umat dan agama suci itu.

Beliau menarik perhatian bagaimana umat Islam suatu masa dulu berjaya mendirikan empayar yang terbesar dari China di timur hingga ke Sepanyol di Barat kerana berpegang teguh kepada ajaran agama yang sebenar.

Menurutnya, umat Islam pada masa itu juga berdaya juang tinggi, bersungguh-sungguh menguasai ilmu dan bekerja keras untuk memajukan diri, masyarakat, agama dan negara.

“Mereka menjadi umat yang dihormati dan digeruni malah kejayaan mereka menjadi ikutan dan dorongan orang bukan Islam,” katanya.

Malangnya Dr. Mahathir berkata, penolakan terhadap bidang lain yang tidak bersangkutan dengan agama menyebabkan kecemerlangan tidak dapat diteruskan dan umat Islam ketinggalan dalam serba-serbi.

Sungguhpun jumlah umat Islam begitu ramai tetapi pegangan kepada ajaran dan nilai-nilai

## siapa lebih Islam

agama yang longgar dan seringkali disalah tafsir telah mengakibatkan mereka ketinggalan.

“Umat Islam di seluruh dunia pula menghadapi tekanan dan tidak berupaya untuk mempertahankan diri daripada apa sahaja bentuk kezaliman yang di-

kenakan ke atas mereka,” katanya.

Beliau menyeru umat Islam agar menyahut cabaran mengembalikan semula kedudukan mereka menjadi masyarakat yang kuat dan cemerlang seperti suatu waktu dulu.

Perdana Menteri berharap sambutan keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. mampu menanam dan menyuburkan rasa cinta kepada Rasulullah dengan mengingati dan menghayati segala pengorbanan dan perjuangan baginda.